



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

13 September 2016

ADAKAH PEMERIKSAAN KESELAMATAN DOSH YANG LEPAS TIDAK BENAR

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) merasa bingung dengan fakta oleh DOSH yang telah melaporkan bahawa mereka telah menutup menara kren kerana melanggar pelbagai langkah keselamatan dan penyelenggaraan dan mereka mendapati pekerja kren menggunakan lesen kelayakan palsu, walaupun mereka mendakwa mereka telah menjalankan pemeriksaan keselamatan di tapak pembinaan setiap 15 bulan.

Selepas kematian tragik Joice Chin Khoon Sing, yang terbunuh apabila penyangkut kren jatuh ke atas keretanya ketika beliau sedang memandu, DOSH mengumumkan bahawa mereka akan bertindak untuk melakukan pemeriksaan ke atas tapak pembinaan di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang untuk memeriksa sama ada kren itu berfungsi dengan baik dan pekerjaannya adalah yang sah.

Menurut akhbar harian berbahasa Inggeris, DOSH melaporkan di negeri Johor sahaja mereka mendapati 47 pekerja kren memiliki lesen kelayakan palsu dan walaupun mereka mempunyai dalam rekod mereka senarai 159 pengendali berkelayakan, terdapat 273 kren beroperasi (sehingga 6 September). DOSH juga berkata mereka telah memeriksa 156 kren di tiga negeri dan satu di Wilayah Persekutuan dan telah menutup 43 daripadanya kerana pelbagai kesalahan (sehingga 8 September).

Apa yang kami tidak faham ialah jika DOSH benar-benar menjalankan pemeriksaan keselamatan di tapak pembinaan sepertimana yang di dakwa, bagaimana terdapat begitu banyak kren tidak berlesen beroperasi dan pekerja kren haram di tapak pembinaan ini; meletakkan bahaya nyawa orang ramai dan pekerja lain di tapak pembinaan dalam bahaya. Adakah pemeriksaan keselamatan DOSH adalah palsu?

Jika ia tidak palsu, maka sebab lain yang kita boleh fikir ialah yang boleh dijelaskan bilangan dilaporkan oleh DOSH ialah Prosedur Operasi Standard pemeriksaan keselamatan yang dijalankan setiap 15 bulan tidak mencukupi – inilah apa yang kami tekankan sejak lama dahulu. Dengan begitu banyak masa di antara pemeriksaan-pemeriksaan, kontraktor yang tidak bertanggungjawab akan mengambil maksudnya sebagai mereka mempunyai masa setahun dan tiga bulan itu untuk melanggar undang-undang jika ia boleh memanfaatkan mereka tanpa ditangkap. Jadual pemeriksaan keselamatan DOSH telah menjadi pemboleh dan bukan pencegahan.

Sekali lagi, CAP mengulangi gesaan untuk DOSH mengurangkan masa antara pemeriksaan keselamatan, untuk meningkatkan bilangan pekerja teknikal yang ditugaskan dengan pemeriksaan tapak pembinaan dan untuk menjadikan pemeriksaan keselamatan mereka lebih secara rawak daripada berjadual. DOSH juga perlu mengambil tindakan keras ke atas tapak pembinaan di negeri lain dan Wilayah Persekutuan di samping Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Akhir sekali, kami meminta kerajaan supaya mengadakan Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat punca penyebab ketidakcekapan mereka. Demi untuk melindungi nyawa pekerja pembinaan dan orang ramai, adalah penting bagi DOSH mengubah cara mereka mengendalikan pemeriksaan keselamatan di tapak pembinaan.

S. M. Mohamad Idris
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang